

04/02/2003

AIM jadi contoh, pusat rujukan dunia

KUALA LIPIS: Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kini menjadi pusat rujukan seluruh dunia, terutama negara dunia ketiga sebagai sebuah organisasi pembiayaan kecil yang paling berjaya.

Pengerusi AIM, Amihamzah Ahmad, berkata antara negara yang mengiktiraf dan menggunakan kepakaran AIM sebagai organisasi mikro kredit dan pembasmi kemiskinan ialah negara Timor Timur, Afrika Selatan dan negara bekas Soviet Union.

Beliau berkata, banyak lagi negara yang memohon untuk mendapat nasihat kepakaran daripada pegawai AIM untuk menjalankan organisasi berbentuk pembiayaan kecil di negara masing-masing.

"Pada masa ini, kira-kira 1,000 organisasi seperti AIM di seluruh dunia dan AIM menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk meletakkan AIM pada tahap dunia.

"Ini berdasarkan banyak negara yang mengakui kejayaan AIM dan berminat untuk mengikuti jejaknya serta kepakaran menjalankan program membasmi kemiskinan di negara masing-masing," katanya.

Sehubungan itu, beliau berikrar akan memastikan pengurusan AIM terutamanya di peringkat ibu pejabat, wilayah dan cawangan berjalan baik dengan tambahan kakitangan pengurusan, khususnya di bahagian perakaunan dan sistem komputer.

"AIM akan mengambil beberapa kakitangan baru lulusan ijazah dalam bidang perakaunan dan komputer untuk memantapkan kedua-dua bahagian penting itu.

"Usaha ini selaras dengan hala tuju AIM sebagai organisasi bertaraf dunia serta mempertingkatkan bahagian perhubungan awam untuk sumber rujukan negara luar," katanya.

Amihamzah yang juga Ahli Parlimen Lipis berkata, penambahan kakitangan itu perlu kerana AIM terbabit dengan transaksi kewangan yang besar dengan modal pusingan lebih RM800 juta.

Katanya, kejayaan AIM mengurus secara sistematik dana yang besar itu adalah bukti keupayaan sebenar pengurusan operasi AIM yang boleh dicontohi.

Beliau juga berkata, AIM kini menjadi agensi barisan hadapan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

"Pada masa ini AIM yang mempunyai 80,000 peserta yang dikenali sebagai Sahabat mensasarkan untuk menambah sekurang-kurangnya 100,000 sahabat, tahun ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, selain mempunyai 62 cawangan di seluruh negara, AIM dilihat berpotensi untuk meluaskan cawangannya di Sabah.

Amihamzah berkata, AIM tidak bermotifkan politik tetapi membantu keluarga miskin yang memerlukan sokongan untuk berdikari.